



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**23 April 2024
14 Syawal 1444H**

Utusan Malaysia	• Planet atau plastik? • Tutup nombor pendaftaran bot elak diambil tindakan • Dua jam kejar tiga bot nelayan Vietnam ceroboh, curi ikan
Berita Harian	•
Harian Metro	• 30 jam layan onar tunda tiga bot haram nelayan Vietnam
Kosmo !	•
Sinar Harian	• Maritim tahan tiga bot nelayan Vietnam
The Star	• Microplastics could diminish fish quality and supply
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
The Sun	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
Borneo Post (KK)	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIK
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN	POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL	/	24	23.4.2024	

TARIKH 22 April telah diisytihar sebagai Hari Bumi Sedunia setiap tahun sebagai pengingat kepada global akan tanggungjawab untuk menjaga planet Bumi bagi kemampanan generasi akan datang.

Tema Hari Bumi pada tahun ini "Planet vs Plastics" dipilih bagi menangani salah satu isu sejagat masa kini iaitu pencemaran plastik serta keperluan bertindak untuk mencapai sasaran pengurangan 60 peratus pengurangan plastik global menjelang tahun 2040.

Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) sebagai sebuah jabatan yang bertanggungjawab menjaga persekitaran akuatik komited dalam menangani isu pencemaran plastik. DOF melalui Institut Penyelidikan Perikanan (IPP) yang mempunyai kapasiti dan kapabiliti telah membangunkan kajian bagi menganalisis mikroplastik sejak lima tahun yang lalu.

Kajian pencemaran mikroplastik dan makroplastik yang mula dilaksanakan sejak tahun 2019 telah dijalankan di persekitaran akuatik Semenanjung Malaysia (khususnya bahagian barat laut dan pantai timur). Labuan serta dalam tisu ikan komersial juga kerangka.

"Dapatan kajian menunjukkan jenis plastik yang kerap ditemui dalam persekitaran akuatik rayon, polyethylene dan polypropylene.

"Jenis plastik ini digunakan secara meluas dalam kehidupan seharian terutama dalam industri pakaian, pembungkusan makanan dan lain-lain industri.

"Lebih membimbangkan adalah bahan kimia yang



PENCEMARAN terutama daripada sisa plastik yang dibuang atau dihayutkan ke laut menjejaskan di persekitaran akuatik negara. - GAMBAR HIASAN

Planet atau plastik?

digunakan di dalam penghasilan plastik seperti bisphenol A (BPA) dan phthalate boleh dirembes dan berakumulasi di dalam persekitaran dan sumber makanan dan keseimbangan adalah mengenai kesan jangka panjang terhadap kesihatan sejagat.

"Hubung kait antara bahan kimia ini dengan

masalah kesihatan seperti ketidakseimbangan hormon serta masalah reproduksi telah banyak dilaporkan," kata Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia, Datuk

Adnan Hussain. Pendedahan berterusan mikroplastik pada kepekatan yang tinggi kepada ikan juga akan mengakibatkan pelbagai

impak negatif seperti tekanan oksidatif, keradangan, imunotoksik, genotoksik, kerosakan DNA serta mengubah mikrobiota usus yang memberi kesan kepada pertumbuhan dan kualiti ikan.

Selain itu, kepekatan mikroplastik yang tinggi di pantai penetasan penyu akan meningkatkan suhu pasir pantai sekali gus mengancam

perkembangan penetasan penyu.

Kajian awal berkaitan kuantiti, komposisi dan kepadatan plastik yang ditemui di dasar laut Kuala Pahang, Malaysia juga telah dijalankan pada tahun 2020.

Bagi menangani krisis pencemaran plastik, kerjasama semua pihak daripada kerajaan, perniagaan, komuniti hinggalah kepada setiap individu adalah sangat diperlukan.

"Langkah bersepadu daripada kita semua perlu untuk mengurangkan pencemaran dan penggunaan plastik, meningkatkan kecekapan sistem pengurusan sisa, serta galakan penggunaan bahan alternatif amat penting untuk menangani isu ini.

Sempena Hari Bumi 2024, DOF pada 21 April 2024 telah melaksanakan pelepasan 100 induk ikan kelisa emas di Tasik Bukit Merah sebagai usaha memulihara serta menjamin kelestarian sumber khazanah bumi dan pelbagai lagi program telah dirangka bagi mendukung Hari Bumi pada tahun ini. DOF ingin mengajak semua pihak untuk bersama-sama melindungi Bumi daripada kesengsaraan pencemaran plastik.

Kesedaran sangat dituntut dalam membuat pilihan tepat dalam kehidupan seharian kerana ia akan menyumbang kepada masa depan yang lebih sihat dan berkelanjutan bagi generasi yang akan datang.

Bersama-sama, kita dapat mengubah arus pencemaran plastik dan menastikan planet kita tetap menjadi "rumah" yang mamkur bagi semua kehidupan.

Ingat, "Pilih yang boleh digunakan semula, jauhkan plastik sekali guna dari pinggan anda!"

“Hubung kait antara bahan kimia ini dengan masalah kesihatan seperti ketidakseimbangan hormon serta masalah reproduksi telah banyak dilaporkan.”

ADNAN HUSSAIN



PENCEMARAN plastik turut memberi kesan kepada populasi penyu kerana ada yang mati sebab termakan bahan tercemar itu.



UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARI
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN	POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		33	23.4.2024

Tutup nombor pendaftaran bot elak diambil tindakan

KUALA LUMPUR: Persatuan Pendidikan dan Kebajikan Jaringan Nelayan Pantai Malaysia (Jaring) mengesan bot jenis pukut tunda menceroboh kawasan nelayan pantai di Pulau Pinang serta Selangor.

Timbalan Pengerusi Jaring, Mohd. Faizal Mohd. Zabri berkata, kebanyakan bot dari Zon B1 dan C itu turut menutup nombor pendaftaran bagi mengelakkan mereka dilaporkan kepada pihak berwajib.

"Sebelum ini jika ada pencerobohan, Jaring adakan kempen untuk nelayan ambil video dan rekod nombor pendaftaran serta tarikh dan hantar kepada Jabatan Perikanan untuk diambil tindakan.

"Namun, sejak hujung November lepas, bot pukut tunda yang ceroboh sampai di bawah lima batu di Pulau Pinang sudah mula tutup nombor pendaftaran mereka, jadi Jabatan Perikanan tidak boleh ambil tindakan," katanya kepada *Utusan Malaysia* semalam.

Justeru, Mohd. Faizal berkata, pihak berwajib terutamanya Jabatan Perikanan dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) diminta mengambil tindakan tegas serta melakukan operasi bagi mengekang pencerobohan bot pukut tunda.

"Kebanyakan bot ceroboh pada waktu malam dalam pukul 11 malam hingga 7 pagi. Memang mereka kata sudah buat rondaan, tetapi itu pada waktu siang," katanya.

Beliau menambah, pencerobohan bot jenis pukut tunda bukan sahaja menjejaskan komuniti nelayan, malah hidupan marin.

Katanya, ini kerana ada dalam kalangan mereka melakukan aktiviti pada kedudukan sehingga bawah dua batu nautika dari pantai berbanding jarak yang dibenarkan.

UTUSAN MALAYSIA	✓	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIK
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN	POSITIF	✓	NEGATIF		NEUTRAL			35	23.4.2024

Utusan Malaysia
SELASA • 23 APRIL 2024

35

Dua jam kejar tiga bot nelayan Vietnam ceroboh, curi ikan

UM MS 35

PASIR PUTEH: Anggota Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) terpaksa mengambil masa dua jam untuk menahan 40 nelayan Vietnam yang menaiki tiga bot selepas menceroboh dan mencuri hasil laut negara pada Selasa lalu.

Kesemua nelayan itu ditahan pada jarak 229.6 kilometer (km) dan 250 km dari Kuala Tok Bali menerusi Ops Pagar Laut Fasal 4.

Pengarah Maritim Malaysia Kelantan, Kepten Maritim Erwan Shah Soahdi berkata, semasa melakukan rondaan rutin sekitar pukul 3.39 hingga 5.47 petang, pihaknya mengesan tiga bot dalam keadaan mencurigakan di perairan negara.

Menurutnya, pihaknya bertindak mengejar ketiga-tiga bot berkenaan dan berjaya menahan dua jam kemudian.

"Hasil pemeriksaan awal mendapati bot pertama mempunyai lima awak-awak termasuk tekong. Bot kedua pula kita menjumpai 15 awak-awak termasuk tekong.

"Sementara bot ketiga, kita berjaya menahan 20 awak-awak termasuk tekong. Kesemua mereka berusia antara 18 hingga 62 tahun," katanya dalam sidang akhbar di Pejabat Maritim Malaysia Kelantan di Tok Bali di sini, semalam.



Kita berjaya menahan 20 awak-awak termasuk tekong. Kesemua mereka berusia antara 18 hingga 62 tahun."

ERWAN SHAH SOAHDI

Erwan Shah memberitahu, pemeriksaan lanjut membawa kepada penemuan 8,700 kilogram (kg) hasil laut, peralatan menangkap ikan, peralatan navigasi dan komunikasi serta bekalan diesel 2,900 liter.

Katanya, nilai rampasan kesemua barangan termasuk bot dianggarkan berjumlah RM5.4 juta.

"Kesemua bot disyaki melakukan aktiviti perikanan secara haram di perairan negara. Kes disiasat di bawah Seksyen 15(1) (a) kerana gagal mempamerkan dokumen kebenaran menangkap ikan oleh Ketua Pengarah Perikanan Malaysia.

"Kesemua nelayan asing itu ditahan reman di lokap tahanan sementara Maritim Malaysia Tok Bali sehingga siasatan selesai sebelum pendakwaan dilakukan," ujarnya.

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR	/	NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN		POSITIF		NEGATIF		NEUTRAL		10	23.4.2024

Microplastics could diminish fish quality and supply

PETALING JAYA: Microplastics have been found in aquatic environments across the country, which could lead to a fish shortage, or even worse, entire marine populations dying out, says the Fisheries Department.

Its director-general Datuk Adnan Hussain said a study by the Fisheries Research Institute, which began in 2019, showed the presence of common plastics such as rayon, polyethylene and polypropylene.

"These are widely used in everyday life, especially in the clothing, food packaging and other industries.

"More worrying is that chemicals used in the production of plastics such as Bisphenol A and phthalates can be secreted and can accumulate in the environment and food sources.

"There is significant concern over their long-term effects on universal health as there have been widely reported links

between these chemicals and health problems such as hormonal imbalance and reproductive problems," he said in a statement in conjunction with Earth Day yesterday.

Adnan said continuous microplastic exposure at high concentrations on fish would affect their growth and quality in the long term.

These effects include oxidative stress, inflammation, immunotoxicity, genotoxicity, and damage to

the DNA and digestive system of the fish.

The theme for Earth Day 2024 is "Planet vs Plastics", which aims to get everyone on board one of the most pressing environmental issues of our time: plastics pollution.

A number of NGOs have also taken it upon themselves to rid their communities of plastics.

Kuala Lipis Lions club president Lily Ng and another fellow member, along with 10 student mem-

bers from SMJK Chung Hwa in Pahang, joined hands to clean up the Kuala Lipis public park.

"We collected around five to six bags worth of garbage (including plastics) and will set them aside for Alam Flora to collect as they are unrecyclable," said Ng, adding that they hold similar communal clean-up events up to three times a year.

Other Lions club branches across the country held similar clean-ups.

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIK
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN	POSITIF	/	NEGATIF		NEUTRAL		6	23.4.2024

30 jam layan onar tunda tiga bot haram nelayan Vietnam

Pasir Puteh: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) mengambil masa 30 jam untuk menunda tiga bot nelayan Vietnam yang ditahan di perairan negara ke Jeti APMM Kelantan.

Semua bot terbabit, dengan jumlah rampasan keseluruhan sebanyak RM 5.4 juta ditahan pada 16 April lalu menerusi Op Damai, Op Naga Barat, Op Tiris dan Op Khas Pagar Laut.

Pengarah APMM Kelantan Kapten Maritim Erwan

Shah Soahdi berkata, berdasarkan baki diesel pada bot terbabit, semua bot itu beroperasi di perairan lebih seminggu.

"Pada awalnya, kru bot itu berdegil dan enggan memberikan kerjasama dengan melakukan pelbagai percubaan seperti melarikan diri selain melepaskan tali.

"Namun, akhirnya, semua bot ditahan sebelum ditunda ke Jeti APMM Maritim Kelantan," katanya pada sidang media di Ibu Pejabat APMM Kelantan di

Tok Bali di sini, semalam.

Menurut Erwan Shah, ia penahanan terbesar tahun ini dan antara yang dirampas ialah 8.7 tan hasil laut serta 2,900 liter diesel.

"Semua 40 kru termasuk tiga tekong dengan semua berusia 18 hingga 62 tahun turut ditahan.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 15(1)(a) kerana gagal mempamerkan dokumen kebenaran menangkap ikan di perairan Malaysia oleh Ketua Pengarah Perikanan Malaysia," katanya.



ERWAN Shah (tengah) melihat 40 kru termasuk tiga tekong warga Vietnam yang ditahan dengan rampasan bernilai RM5.4 juta di Ibu Pejabat APMM Kelantan, Tok Bali, Pasir Puteh. - Gambar NSTP/NOR AMALINA ALIAS

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU	MUKA SURAT	TARIK
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN	POSITIF	/	NEGATIF		NEUTRAL		26	23.4.2024

Maritim tahan tiga bot nelayan Vietnam

PASIR PUTEH - Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) terpaksa mengejar tiga bot nelayan asing Vietnam selama kira-kira dua jam sebelum berjaya menahannya antara 124 hingga 135 batu nautika dari muara jeti Tok Bali, Selasa lalu.

Dalam kejadian antara jam 3.49 hingga 5.47 petang itu, bot Maritim yang melaksanakan rondaan di sempadan merampas kira-kira 8,700 kilogram (kg) hasil laut, peralatan menangkap ikan, peralatan navigasi dan komunikasi serta bekalan diesel 2,900 liter dengan anggaran nilai hampir RM5.4 juta.

Pengarah Maritim negeri Kelantan, Kepten Maritim Erwan Shah Soahdi berkata, melalui Op Khas Pagar Laut itu, 40 nelayan disyaki warga Vietnam berusia antara 18 hingga 62 tahun turut ditahan.

"Jumlah rampasan itu merupakan yang terbesar tahun ini dan kesemua nelayan terbabit dipercayai mencero boh perairan Malaysia kira-kira seminggu lalu berdasarkan jumlah liter diesel yang digunakan," katanya pada Isnin.

Beliau berkata, kes akan disiasat di bawah Seksyen 15 (1) (a) kerana gagal mempamerkan sebarang dokumen kebenaran menangkap ikan di perairan Malaysia oleh Ketua Pengarah Perikanan Malaysia.

Tambahnya, tiga tekong juga disyaki melanggar Seksyen 16 (3) Akta Perikanan 1985 kerana gagal memaklumkan pegawai berkuasa melalui radio atau faksimili mengenai maklumat mereka termasuk nama negara, bendera dan lokasi laluan.

"Kesemua kru juga akan disiasat di bawah Seksyen 6 (1) (c) Akta Imigresen 1959/63 kerana gagal mempamerkan sebarang dokumen pengenalan diri yang sah," katanya.

Erwan Shah berkata, proses membawa balik bot tahanan mengambil masa lebih 30 jam sebelum tiba di Jeti Maritim Negeri Kelantan kira-kira jam 1 pagi pada Khamis untuk diserahkan kepada pegawai penyiasat.

Tambah beliau, tangkapan hari terakhir fasa ketiga Op Khas Pagar Laut itu membuktikan keberkesanan operasi dalam mengawal sempadan perairan negara.